

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- a) Jumlah bayaran yang diterima oleh Kerajaan daripada pemaju-pemaju dalam penjualan tanah-tanah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi, TUDM Butterworth dan TUDM Kinrara; dan**

- b) Adakah wang diterima telah digunakan untuk membantu veteran-veteran dan Koperasi Tentera Angkasa Berhad.**

JAWAPAN:

Kerajaan tidak menerima bayaran secara tunai dari pemaju-pemaju di atas tanah-tanah yang terlibat dalam projek penswastaan melalui kaedah '*land swap*'. Sebaliknya nilai balasan hasil '*land swap*' tanah digunakan oleh pihak pemaju dalam menyediakan fasiliti baru dengan mengambil kira keperluan semasa berdasarkan perjawatan dan skala terkini. Bagi cadangan pembangunan semula Pangkalan Udara (PU) Butterworth, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) masih lagi di dalam peringkat kajian.

Kos '*land swap*' digunakan sepenuhnya untuk pembangunan semula Pangkalan Udara yang terlibat sahaja. Sekiranya terdapat lebihan, semua lebihan tersebut akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan di bawah Kementerian Kewangan.

NO. SOALAN: 510

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta PERDANA MENTERI menyatakan syarat-syarat lulus Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB), kaedah dan tempoh bayaran balik.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB), mempunyai syarat-syarat asas seperti berikut:

- i. Pemohon Individu Bumiputera berumur 18 hingga 40 tahun semasa permohonan dibuat (berdasarkan kepada tahun kelahiran dan tahun permohonan), atau
- ii. Pemohon Syarikat yang beroperasi kurang dari 3 tahun yang dimiliki sekurang-kurangnya 60% oleh individu/ individu-individu Bumiputera yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun (berdasarkan kepada tahun kelahiran dan tahun permohonan), dan
- iii. Idea perniagaan/produk yang mempunyai unsur-unsur inovasi dan kreativiti dalam bidang-bidang NKEA, dan
- iv. Tertakluk kepada penilaian dan kelulusan ahli panel Jawatankuasa Pemilihan Superb yang terdiri dari usahawan-usahawan terkemuka dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU.

Insentif program SUPERB merupakan geran yang bernilai sehingga RM500,000 bagi setiap pemenang. Penyaluran dana dibuat melalui agensi-agensi pemantau dan penyaluran kepada pemenang dibuat secara

berperingkat-peringkat berdasarkan “milestone” yang dipersetujui bersama di antara pemenang insentif dan agensi pemantau tersebut dengan kelulusan Jawatankuasa Pemilihan Superb.

Oleh kerana insentif ini adalah dalam bentuk geran, ia tidak melibatkan kaedah dan tempoh bayaran balik.

Sekian, terima kasih.